

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2004/2005.

Mac 2005

### **PPG 318 - Kaedah Mengajar Kesusasteraan Melayu II**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

#### **ARAHAN**

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja. Pilih **SATU (1)** soalan daripada setiap bahagian. Soalan **keempat** boleh dipilih daripada **BAHAGIAN A, B, dan C**. Setiap soalan mempunyai peruntukan markah yang sama.

## BAHAGIAN A

### Umum / kritikan

1. Pilih **TIGA (3)** daripada perkara di bawah dan huraikan dengan contoh-contoh yang sesuai.

- a) Ciri-ciri sastera remaja
- b) Guru sastera sebagai penglipurlara di sekolah
- c) Penderiaan dalam proses penghayatan kesusasteraan Melayu
- d) Penerapan nilai-nilai murni dalam pengajaran kesusasteraan Melayu di sekolah menengah

(25 markah)

2. Pilih **salah seorang** daripada Sasterawan Negara di bawah dan huraikan latar belakang serta sumbangan tokoh berkenaan dalam memperkayakan khazanah kesusasteraan tanah air.

- a) Usman Awang
- b) A. Samad Said

(25 markah)

## BAHAGIAN B

### Kaedah Mengajar Sastera Melayu Tradisional/ Sastera Agung

3. a) "Sastera sejarah atau historiografi adalah hasil karya yang mengandungi unsur sejarah tetapi ditulis dalam bentuk sastera." Berdasarkan contoh-contoh daripada *Sulalatus Salatin Sejarah Melayu*, jelaskan:
- i) lima unsur sejarah  
ii) lima unsur sastera
- (10 markah)
- b) Bincangkan cara anda mengajar kepada pelajar-pelajar anda bahawa *Sulalatus Salatin Sejarah Melayu* merupakan dokumen sastera agung Melayu yang penting.
- (15 markah)
4. a) Apakah gurindam? Nilaikan fungsi dan peranan gurindam kepada masyarakat.
- (10 markah)
- b) Huraikan cara anda mengajar *Ini Gurindam Fasal yang Ketujuh* oleh Raja Ali Haji dari aspek tema, persoalan dan bentuk melalui pendekatan intrinsik. (Sila lihat Lampiran A )
- (15 markah)

### BAHAGIAN C

#### Kaedah Mengajar Sastera Melayu Moden

5. a) Apakah yang dimaksudkan dengan pendekatan sosiologi dalam pengajaran kesusteraan Melayu Moden ? Nyatakan **TIGA (3)** perkara yang dikaji melalui pendekatan ini.
- (10 markah)
- b) Berdasarkan cerpen *Kesementaraan* karya S. Othman Kelantan, jelaskan cara anda mengajar perkara-perkara yang dikaji dalam pendekatan sosiologi kepada pelajar-pelajar tingkatan enam.
- (15 markah)
6. a) Berdasarkan drama *Lawyer Dahlan* karya Shaharom Husin nilaiakan **LIMA (5)** mesej/pengajaran yang terkandung dalam drama tersebut.
- (10 markah)
- b) Huraikan cara anda mengajar drama di atas supaya menarik dan berkesan dengan mengaitkan salah satu unsur intrinsik dan ekstrinsik dalam karya ini.
- (15 markah)

- ooo O ooo -

## LAMPIRAN A

MUTIARA SASTERA MELAYU TRADISIONAL

### **INI GURINDAM FASAL YANG KETUJUH**

*Oleh Raja Ali Haji*

Apabila banyak berkata-kata,  
Di situlah jalan masuk dusta.

Apabila banyak berlebih-lebihan suka,  
Itulah tanda hampirkan duka.

Apabila kita kurang siasat,  
Itulah tanda pekerjaan hendak sesat.

Apabila anak tidak dilatih,  
Jika besar bapanya letih.

Apabila anda banyak mencela orang,  
Itulah tanda dirinya kurang.

Apabila orang yang banyak tidur,  
Sia-sia sahajalah umur.

Apabila mendengar akan khabar,  
Menerima itu hendaklah sabar.

Apabila mendengar akan aduan,  
Membicarakannya itu hendaklah cemburuan.

Apabila perkataan yang lemah lembut,  
Lekaslah segala orang yang mengikut.

Apabila perkataan yang amat kasar,  
Lekaslah orang sekalian gusar.

Apabila pekerjaan yang amat benar,  
Tidak boleh orang berbuat honar.

Sumber: Dipetik daripada Harun Aminurrashid,(peny.)1990  
Dalam *Kajian Puisi Melayu*.  
Singapura: Pustaka Melayu